



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KENYATAAN MEDIA

**LAWATAN KERJA MENTERI PERUSAHAAN, PERLADANGAN DAN
KOMODITI (MPIC) KE PUSAT MENYELAMAT HIDUPAN LIAR
KEBANGSAAN (NWRC)
DAN
MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
(MOU) ANTARA MALAYSIAN PALM OIL COUNCIL (MPOC),
MALAYSIAN PALM OIL GREEN CONSERVATION FOUNDATION
(MPOGCF) DAN JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN
TAMAN NEGARA (PERHILITAN) BERTEMPAT DI PUSAT
MENYELAMAT HIDUPAN LIAR KEBANGSAAN (NWRC) SUNGKAI,
PERAK**

Saya telah menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) Antara Malaysian Palm Oil Council (MPOC), Malaysian Palm Oil Green Conservation Foundation (MPOGCF) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia di Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA)

Memorandum Persefahaman ini bertujuan untuk memperkukuh, menggalakkan dan membangunkan kerjasama bersama dalam bidang berkaitan konservasi hidupan liar terutamanya Harimau Malaya, penyelidikan, penerbitan, penguatkuasaan, latihan dan kesedaran awam. Ia sebenarnya sangat membantu Jabatan PERHILITAN yang pada masa kini sedang menjalankan Kempen Selamatkan Harimau Malaya yang kini populasi di habitat semulajadinya tidak sampai 200 ekor sahaja di Semenanjung Malaysia.

Di bawah skop kerjasama MOU ini terdapat **enam (6) program** utama iaitu Program Pembiakan Harimau Malaya, Pembiayaan lima (5) ekor anak Harimau Malaya, Program Pemindahan Harimau Malaya ke Pusat Konservasi Harimau Kebangsaan (NTCC) di Lanchang Pahang, Program Meliarkan Harimau Malaya, Program Pelepasan Harimau Malaya ke habitat asal dan pemantuan Harimau Malaya selepas proses pelepasan.

Saya difahamkan, pihak MPOC akan menyalurkan dana melalui MPOGCF kepada Jabatan PERHILITAN dalam tempoh 5 tahun dengan anggaran sejumlah **RM 3 juta bermula 2021 sehingga 2025** secara berperingkat mengikut program.

Saya akan bersama-sama YB Dato' Khairuddin Bin Aman Razali, Menteri Perusahaan, Perladangan Dan Komoditi (MPIC) melakukan lawatan ke Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC), Sungkai selepas ini. Lawatan kerja YB Dato' Menteri MPIC adalah bertujuan untuk melihat lebih dekat akan aktiviti konservasi hidupan liar khususnya Harimau di NWRC. Pihak KeTSA berharap lawatan kerja ini dapat memberi gambaran yang lebih jelas akan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Jabatan PERHILITAN dalam konservasi hidupan liar di Semenanjung Malaysia.

Untuk makluman, Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan atau *National Wildlife Rescue Centre* (NWRC) telah ditubuhkan bagi memenuhi keperluan di bawah Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686] di bawah Sekyen 7(1)(b) memperuntukkan penubuhan satu pusat menyelamat di bawah Jabatan PERHILITAN. Penubuhan NWRC ini juga adalah salah satu obligasi Malaysia di bawah *Artikel VIII, Convention on International Trade in*

Endangered Species of Wild Fauna dan Flora (CITES) iaitu sebagai penempatan sementara bagi hidupan liar yang dirampas di bawah Akta 686.

Selain daripada itu, NWRC merupakan pusat penempatan hidupan liar yang diselamatkan daripada kecederaan, penyeludupan, rampasan, konflik hidupan liar-manusia dan serahan di Semenanjung Malaysia. Buat masa ini, NWRC juga memfokuskan kepada aktiviti-aktiviti konservasi Harimau Malaya secara *ex-situ* seperti menjalankan operasi menyelamatkan, proses rehabilitasi, husbandri harimau, rawatan dan kawalan penyakit, penyelidikan secara *ex-situ* dan pembiakan menggunakan teknologi terkini.

Justeru, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak MPOC serta MPOGCF di bawah MPIC kerana kesudian menyalurkan dana dalam program konservasi Harimau Malaya. Usaha seperti ini adalah contoh terbaik kepada agensi-agensi lain yang ingin membantu dalam menyelamatkan populasi Harimau Malaya iaitu khazanah negara yang tidak ternilai ini daripada diancam kepupusan. Kerjasama ini dijangka akan memberi imej yang sangat baik di peringkat antarabangsa dalam usaha pihak MPIC menguruskan penghasilan komoditi utama Negara dengan berjaya tanpa mengabaikan kelestarian spesies ikonik Negara iaitu Harimau Malaya untuk generasi akan datang.

YB DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ NASARAH
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI
12 APRIL 2021